



1. Pelajar semester akhir yang akan menamatkan pengajian dikehendaki memohon penganugerahan diploma/ijazah. Pelajar yang pernah membuat permohonan tetapi tidak berjaya menamatkan pengajian dikehendaki membuat permohonan semula. Permohonan yang telah dibuat pada semester sebelumnya tidak diambil kira.
  2. Pelajar yang tidak layak memohon (selain daripada yang dinyatakan di Perkara 1 di atas) akan dikenakan **denda sebanyak RM50.00** jika permohonan penganugerahan dikemukakan.
  3. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Permohonan Penganugerahan Ijazah (Borang UTM.E/7.7)** (di dalam 3 salinan) di dalam tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti. Pelajar hendaklah mengemukakan ketiga-tiga salinan ke Pejabat Fakulti untuk pengesahan. Salinan pertama diserahkan ke Pejabat Fakulti, salinan kedua kepada Penasihat Akademik dan salinan ketiga untuk simpanan pelajar. Kegagalan pelajar mengemukakan salinan pertama ke Pejabat Fakulti adalah dianggap sebagai tidak mengemukakan sebarang permohonan penganugerahan.
  4. Tarikh tutup permohonan ialah **TIGA PULUH (30) hari** sebelum peperiksaan akhir semester bermula. Permohonan yang diterima dalam tempoh DUA (2) minggu selepas tarikh tutup akan dikenakan bayaran **denda sebanyak RM50.00**.
  5. Pelajar yang tidak mengemukakan borang permohonan ke Pejabat Fakulti selepas tarikh atau tempoh di atas tidak akan diberi penganugerahan pada semester tersebut. Walau bagaimanapun, pelajar boleh mengemukakan permohonan untuk mendapatkan penganugerahan pada semester berikutnya dalam tempoh yang ditetapkan pada semester tersebut.
  6. Hanya pelajar yang telah memohon untuk penganugerahan diploma/ijazah di dalam tempoh tersebut sahaja boleh disyorkan oleh Fakulti untuk disahkan oleh Senat sebagai layak dianugerahkan diploma/ijazah.
  7. Pelajar yang tidak memohon penganugerahan tidak boleh dipertimbangkan untuk kemasukan ke program pengajian yang lebih tinggi di Universiti ini.
  8. Permohonan penganugerahan diploma/ijazah hendaklah dibuat **tidak lewat dari LIMA (5) tahun selepas tamat pengajian**. Permohonan yang dikemukakan ke Pejabat Fakulti selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan dan tidak layak mendapat penganugerahan.
1. *Graduating students in their final semester of study will have to apply for a conferment of their degree/diploma. Students who have applied but did not complete their studies are required to make a new application. Applications made in the previous semester will not be considered.*
  2. *Students who are not eligible (with the exception of those in No. 1 as above) but have applied for the conferment of their award will be **penalized RM 50.00** if they sent an application.*
  3. *Application must be made using the **Application for Conferment of Award (Form UTM.E/7.7)** (3 copies) within the time limit given by the University. The students will have to hand in 3 copies of the application to the Faculty Office for verification. The first copy will be given to the Faculty Office, second copy is for the Academic Advisor and the final copy is for the student's record. Failure to hand in a copy of the application to the Faculty Office will be viewed as not to have applied for the conferment of the award.*
  4. *The closing date for the application will be **THIRTY (30) DAYS** before the commencement of the final semester examination. Applications received within **TWO (2) weeks** after the closing date will incur a penalty of **RM 50.00**.*
  5. *Students who have not sent their applications for convocation to the Faculty Office after the due date or within the time given will not be conferred in that semester. However, students may send in their applications for the conferment of award in the following semester within the stipulated time for that semester.*
  6. *Only students who have applied for the conferment of degree/diploma within the stipulated time will be proposed by the Faculty for approval of conferment by the Senate.*
  7. *Students who have not applied for the conferment will not be allowed to register for a higher level program offered at the University.*
  8. *Application for the conferment of degree/diploma must be done **within five years upon completion of study**. Any application after the time will not be entertained and you will no longer be eligible for the conferment of the award. (Source: Academic Regulations Full Time Programmes for Bachelor's Degree)*

(Sumber: Peraturan Akademik Program Sarjana Muda Pengajian Sepenuh Masa)